

Pembekuan pinjaman perumahan dikaji semula

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** telah mengarahkan supaya dikaji semula pembekuan sementara pinjaman perumahan kepada kakitangan awam.

Kerajaan mungkin menarik balik pembekuan separuh daripada rancangan pinjaman itu jika hasil kajian itu menunjukkan ia menyebabkan industri perumahan di negara ini tidak dapat bergerak, kata **Datuk Musa Hitam** hari ini.

Oleh **AHMAD PUAD ONAH**

Timbalan Perdana Menteri berkata Unit Perancang Ekonomi dan Perbendaharaan akan menjalankan kajian mengenai kesan-kesan pembekuan itu yang dikuatkuasakan mulai Julai tahun lalu.

Menurutnya, ia bertujuan memastikan sama ada pembekuan itu perlu diteruskan atau tidak dalam keadaan kemelesetan sekarang.

Datuk Musa memberitahu pemberita, Perdana Menteri mahu semua aspek pinjaman yang telah dibekukan itu diteliti sedalam-dalamnya dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat untuk mengetahui sama

ada langkah itu baik atau tidak. "Kepada kerajaan, langkah itu adalah baik kerana dapat menjilangkan keadaan kemelesetan sekarang, tetapi boleh jadi ia tidak dapat menggerakkan industri rumah di negara ini," katanya.

Bellau berkata, ada pihak menyatakan bahawa pembekuan rancangan pinjaman perumahan itu menyebabkan industri pembinaan rumah menjadi lembab.

Di bawah pembekuan itu, kakitangan awam yang berumur di bawah 30 tahun, mereka yang telah memiliki rumah sama ada menerusi pinjaman isteri atau suami dan mereka yang ingin mengubahsuai rumah, tidak dibenarkan meminjam.

Mengenal pinjaman perumahan oleh bank-bank perdagangan, Datuk Musa berkata maklum-balas yang diterimanya menunjukkan keadaan adalah lebih baik sekarang.

Katanya, beliau puas hati dengan pemberian pinjaman oleh bank-bank perdagangan selepas beliau mengeluarkan arahan kepada mereka supaya menentukan pinjaman perumahan diberi dengan berkesan.

Menyentuh mengenai kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat, Timbalan Perdana Menteri berkata ia akan siap awal tahun depan dan dibentangkan ke Parlimen sebelum bulan Mac.

"Kita sedang membuat kajian itu dengan bersungguh-sungguh... kami berpendapat satu pendekatan baru perlu diambil, berbeza dengan kajian masa-masa lalu kerana kemelesetan yang sedang melanda sekarang, menjejaskan kita dengan teruk," ujarnya.

Terdahulu dari itu, Datuk Musa menutup kursus penerangan bagi 150 pegawai penerangan Umno Perhubungan Negeri dan Bahagian dari seluruh negara di Ibu pejabat Umno, di sini.

Kursus tiga hari itu dirasmikan oleh **Datuk Seri Dr Mahathir**, Jumaat lalu.

No. Siri 5792
No. Penerimaan 109 / 86